

## **PENGURUSAN PEMBANGUNAN PORTFOLIO ASET WAKAF: KETERDEDAHAN RISIKO DAN PENGURUSANNYA**

*The Management of Waqf Asset Portfolio Management:  
Exposure of Risks and Its Management*

WAN MOHD AL FAIZEE WAN AB RAHAMAN, Open University Malaysia  
SALMY EDAWATI YAACOB, Universiti Kebangsaan Malaysia  
MOHAMAD SABRI HARUN, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: March 30, 2020    Accepted: June 8, 2020    Online Published: June 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### **ABSTRAK**

*Pengurusan pembangunan portfolio aset wakaf berhadapan dengan isu kekangan dana untuk membangunkan aset tidak alih, membentuk aset baharu serta portfolio aset wakaf yang kurang dinamik. Walaupun terdapat beberapa cadangan pendekatan yang telah diketengahkan oleh pengkaji lepas, ianya belum dilaksanakan sepenuhnya. Perhatian turut diberikan terhadap isu-isu pengoperasian, kewangan, undang-undang, reputasi dan pematuhan yang menjadi perhatian dalam kalangan pengkaji. Aktiviti-aktiviti pembangunan dalam sektor ekonomi dan kewangan sering mempertimbangkan kedudukan risiko dan memerlukan penganalisan bagi menentukan pendekatan pengurusan risiko. Justeru artikel konseptual ini bakal menganalisis secara komprehensif terhadap isu-isu dalam aktiviti pembangunan wakaf melalui kajian lepas bagi mengenal pasti risiko-risiko yang wujud seterusnya memberikan idea pendekatan pengurusan risiko yang bersesuaian dalam konteks wakaf. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti tadbir urus dan pengoperasian merupakan bahagian utama yang telah terdedah kepada risiko dan telah menyebabkan wujudnya risiko-risiko yang lain. Selain itu, analisis keterdedahan risiko turut mengenal pasti pendekatan yang lebih holistik dan moden kerana hubung kait secara menyeluruh di antara risiko-risiko yang terdedah seterusnya mengukuhkan pembangunan portfolio aset wakaf.*

*Kata kunci: institusi kewangan Islam; pengurusan risiko; tadbir urus; wakaf korporat; organisasi tidak bermatlamatkan keuntungan*

### **ABSTRACT**

*The management of the development of waqf asset portfolio faces the issue of funding constraints to develop immovable assets, new asset formation and less dynamic portfolio of waqf assets. Although there are several proposed approaches have been highlighted by the previous researchers, it has not been fully implemented yet. The researchers concerned are within the issues of operation, finance, law, reputation and compliance. Development activities in economic and financial sectors often consider risk position and an analysis is required to determine the risk management approaches. Therefore, this conceptual article will comprehensively analyse issues from the previous studies in the activities of waqf development in order to identify the risks involved and provide some ideas for the appropriate risk management approaches in the context of waqf. This study used qualitative content analysis approach. Based on the findings, this study identified that governance and operational are key areas that have been exposed to risks and have led to other risks. In addition, risk exposure analysis also identifies a more holistic and modern approach as the broader links between exposed risks further strengthen the development of the portfolio of waqf assets.*

*Keywords: Islamic finance institution; risk management; governance; corporate waqf; Non-Profit Organization*

## PENGENALAN

Risiko dan ketidakpastian telah membentuk cabaran dalam pencapaian dan kecekapan yang berbeza dalam organisasi tidak bermatlamatkan keuntungan. Kajian yang memfokuskan kepada perbincangan risiko dan pengurusan risiko secara berfokus dan sistematik masih terhad dalam kalangan pengkaji wakaf. Kajian-kajian lepas yang mengupas berkenaan pengurusan dan pembangunan wakaf berlegar pada isu-isu tadbir urus, pembiayaan, sistem dan undang-undang (Rashid 2011; Shirazi N.S 2011; Dahlia Haslindar 2013; Hydizulkifli & Asmak 2015; Kadir et al. 2016; Syahnaz & Aznan 2016; Dalila Daud 2018; Mahmood 2017). Kupasan isu-isu ini tidak menjurus kepada perbincangan risiko dan sangat sedikit kajian yang membincangkan perihal risiko dan pengurusannya dalam konteks institusi wakaf. Hal ini kerana, kewujudan pengurusan risiko bukan sekadar mengawal risiko tetapi turut berperanan dalam merancang aktiviti-aktiviti pembangunan organisasi (Ahmad Muqorabin t.th).

Pembangunan aset wakaf yang lestari wujud berasaskan konsep wakaf yang bersifat mampan serta ditadbir oleh prinsip-prinsip fundamental seperti kekal, tidak boleh dipindah milik dan ditarik balik (Muhammad Oubaidullah 2014). Selain itu, gabungan elemen simpanan tetap dan pelaburan jangka masa panjang (Khaf t.th) menjadikan wakaf unik dan produktif serta menjadi sebahagian daripada instrumen pembangunan ekonomi umat Islam.

Kekangan utama pembangunan wakaf adalah kekurangan modal (Saifuddin, Kayadibi, Polat, Fidan & Kayadibi 2014; Sulaiman 2012; Sanep & NurDiyana 2011 Syahnaz & Aznan 2016). Terdapat pelbagai cadangan yang diketengahkan oleh pengkaji lepas untuk membangunkan aset-aset wakaf seperti kajian Siti Mashitoh dan Shamsiah (2009), Tunku Alina (2012), Anan C (2014), Syahnaz dan Aznan (2016) dan Hydizulkifli dan Asmak (2016), namun cadangan tersebut masih belum dilaksanakan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (Mohd Rilizam 2019). Antara faktor utama cadangan tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya adalah kekhawatiran terhadap risiko kerugian yang perlu ditanggung oleh pentadbir wakaf apabila mengambil pendekatan yang lebih kontemporari untuk membangunkan aset-aset wakaf tersebut (Syahnaz & Aznan 2016). Pentadbir wakaf turut menunjukkan sikap kurang kemahuan terhadap pembangunan yang lebih pesat dalam wakaf disamping tiada desakan politik (*political will*) dalam mengusahakan kelestarian institusi wakaf (Hassan & Abdus Shahid 2010).

Orientasi pemikiran yang terhad kepada penekanan ciri-ciri kekal, tidak boleh dijual beli dan dipindah milik didakwa menjadi penghalang kepada institusi wakaf berkembang sebagai sebuah organisasi bersifat komersil kerana sumbernya tidak diuruskan dengan fleksibel (Kuran, T 2012).

Tambahan pula, kekurangan kepakaran dan pengetahuan dalam ilmu kewangan Islam telah melambatkan lagi proses pembangunan yang mampan (Abu Bakar Manan 2007).

Beberapa tahun kebelakangan ini, perbincangan perihal tadbir urus organisasi menjadi perhatian dalam kalangan pengkaji (Iqbal 2004; Abu-Tapanjeh 2008; Alina 2012; Ihsan & Ayedh 2015; Nur Azni Mohd Zeni; Noraina Mazuin Sapuan 2017; Maghbul & alHajam 2018). Tadbir urus merujuk kepada sistem dan proses untuk memastikan keseluruhan arah, kecekapan, pemantauan dan akauntabiliti organisasi (Cornforth 2002). Mekanisme tadbir urus terdiri daripada ahli lembaga, sistem pengawalan dan mekanisme isyarat seperti pelaporan.

Tadbir urus dari sudut Islam dituntut untuk dilaksanakan berdasarkan hadis daripada Ibnu Umar dan Rasulullah bersabda:

"Setiap kamu mempunyai tanggungjawab, dan kamu akan dipersoal setiap kebertanggungjawaban kamu. Pemimpin akan disoal perihal orang di bawahnya, seorang lelaki merupakan ketua keluarga akan dipersoal perihal ahli keluarganya, seorang wanita yang bertanggungjawab memelihara rahsia suami dan rumah tangga akan dipersoal kebertanggungjawabannya, seorang hamba yang ditugaskan menjaga harta tuannya akan disoal kebertanggungjawabannya, ingatlah, setiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan dipersoal atas setiap kepimpinan kamu" (Riwayat Muslim).

Sebuah perusahaan yang baik dibentuk berasaskan kepada tata kelola yang baik (*good corporate governance*). Tata kelola atau tadbir urus yang baik perlu diaplikasi di dalam organisasi seperti wakaf. Antara komponen yang perlu diberikan perhatian adalah pengurusan risiko dan penyata kawalan dalaman (Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin 2018). Sesebuah perusahaan kebiasaannya memfokuskan kepada pencapaian pertumbuhan dan keuntungan dalam ruang lingkup sempadan kawalan risiko. Pengurusan risiko merupakan perbincangan tentang keupayaan untuk meneruskan kehidupan (Ansell & Wharton 1992). Justeru, pengurusan risiko diwakili oleh pengurus bertanggungjawab untuk mengenal pasti kunci risiko, mendapatkan langkah-langkah pengoperasian risiko yang konsisten dan difahami, mengutamakan risiko serta memilih bagaimana risiko boleh meningkat dan menurun serta mewujudkan prosedur untuk memantau risiko yang timbul (Pyle 1997). Oleh itu, proses-proses tersebut memerlukan pemantauan dan kawalan yang berkesan menggunakan tadbir urus yang dibina bersandarkan pendekatan kebudayaan bersama.

Institusi wakaf diklasifikasi sebagai entiti tidak bermatlamatkan keuntungan (*non-profit organization/NPO*) yang berperanan menyalurkan kemudahan berkaitan keagamaan dan kebajikan sosial kepada masyarakat dan perusahaan sosial. Perkembangan semasa menyaksikan institusi wakaf turut menerima tempas bagi memastikan kelestarian

aset-aset wakaf. Adnan (2005) membicarakan prinsip asas wakaf korporat yang boleh dikategorikan sebagai sebuah perbadanan dan institusi kewangan Islam. Perkembangan ini menuntut gerak kerja institusi wakaf untuk mengadaptasi orientasi tadbir urus korporat.

Jika dilihat konteks pengurusan endowmen di Harvard dan Yale, pengurusan risiko merupakan antara bahagian penting dalam pengurusan pembangunan endowmen. Pengurusan risiko memainkan peranan untuk membentuk, menyelenggarakan, mengurangkan dan mengawal proses risiko. Ketiadaan proses ini bakal mengakibatkan kesan negatif terhadap pengurusan (Lahsasna 2014).

Perbincangan pengurusan risiko dalam wakaf telah dijalankan oleh Rahisam et al. (2015) dan Ashrof et al. (2016) namun kajian mereka masih di peringkat awal dan tiada perbincangan yang terperinci berkaitan dengan risiko-risiko yang digariskan, langkah-langkah menganalisis risiko dan pendekatan bersesuaian dalam menangani risiko.

Oleh kerana kajian berkaitan risiko dalam institusi wakaf masih terhad, proses pengurusan risiko boleh diadaptasi daripada pendekatan yang dilakukan oleh institusi tidak bermatlamatkan keuntungan di barat seperti kerangka COSO (2004) dan kajian Domanski (2016). Kerangka COSO (2004) telah menggariskan proses pengurusan risiko iaitu pengenalanpastian risiko, penilaian risiko, mengambil peluang ke atas risiko atau pencegahan risiko. Proses penting dalam pengurusan risiko adalah proses mengenalpastian risiko dan ia dilakukan berasaskan kepada objektif institusi. Menurut Domanski (2016), kajian literatur berkaitan risiko yang dihadapi oleh organisasi tidak bermatlamatkan keuntungan di peringkat antarabangsa masih belum komprehensif. Justeru, beliau telah membentangkan tema utama pengenalanpastian risiko yang sistematik dan boleh dijadikan panduan dalam proses pengurusan risiko institusi wakaf. Antara risiko yang telah ditemakan adalah tadbir urus, pengoperasian, undang-undang, pematuhan dan reputasi.

Tadbir urus merupakan isu utama dan kerap dibahaskan oleh pengkaji lepas. Terdapat pelbagai isu yang berkait rapat dengan tadbir urus dalam institusi wakaf terutama pendekatan pengurus wakaf dalam mengendalikan wakaf. Pengurusan wakaf terdiri daripada pengurus dan pemegang berkepentingan. Perbincangan kedua-dua peranan ini biasanya diterjemahkan dalam perbahasan teori agensi. Hal ini kerana, terdapat konflik yang disebutkan sebagai konflik agensi di antara pengurus dan pemegang berkepentingan. Teori agensi merujuk kepada perbezaan tingkah laku dan keputusan yang dibuat kerana kedua-dua belah pihak mempunyai kehendak yang berbeza. Hal ini kerana, tanggapan asas yang biasa dikemukakan adalah kedua-dua pihak cuba untuk memaksimumkan pulangan masing-masing (Malonis 2000).

Dalam konteks pembangunan aset wakaf, kelestarian wakaf merupakan aspek utama yang perlu diberikan perhatian oleh pengurusan wakaf. Namun, tindakan pengurus wakaf untuk tidak mengambil risiko walaupun terdapat peluang untuk beroleh keuntungan apabila dilaburkan merujuk kepada konflik yang wujud di dalam hubungan agensi (Ismail et al. 2017). Isu ini telah menyebabkan risiko kepada pengurusan wakaf dan perlu diuruskan dengan cekap. Risiko dalam tadbir urus akan menyebabkan risiko dalam bahagian-bahagian lain seperti pengoperasian, undang-undang, reputasi dan pematuhan.

Justeru, keperluan untuk menganalisis isu-isu ini lebih mendalam mengguna pakai pendekatan dan langkah-langkah dalam standard pengurusan risiko adalah diperlukan. Hal ini kerana, kelestarian aset wakaf di samping memelihara modal wakaf merupakan objektif utama dalam pengendalian usaha-usaha untuk membangunkan aset wakaf. Tambahan pula, perbincangan secara terperinci perihal isu-isu yang menyebabkan risiko dan risiko dalam institusi wakaf secara spesifik dan kolektif masih terhad dalam kalangan pengkaji wakaf. Selain itu, bahagian pengurusan risiko dalam institusi wakaf juga masih wujud.

Secara asasnya risiko-risiko yang akan dikenal pasti secara mendalam dilihat kedudukannya bagi menentukan tindakan yang perlu diambil melalui sebuah pengurusan risiko yang bersifat komprehensif dan semasa. Hal ini kerana, pengurusan risiko yang berkesan akan mempengaruhi secara langsung pemilihan portfolio pembangunan aset wakaf bagi merangsang pertumbuhan serta memastikan kelestarian aset wakaf. Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan untuk meneliti keterdedahan risiko dalam pembangunan portfolio aset wakaf seterusnya memberikan gambaran yang lebih jelas pengurusan risiko yang bersesuaian untuk diadaptasi dan dibangunkan dalam konteks institusi wakaf.

#### PEMBANGUNAN PORTFOLIO ASET WAKAF DALAM INSTITUSI WAKAF

Pembangunan aset wakaf merupakan aktiviti penting bagi memastikan kelestarian institusi wakaf. Tuntutan untuk membangunkan aset wakaf disandarkan pada kefahaman cadangan Rasulullah s.a.w terhadap harta milik Saidina Omar iaitu *tahbis al-Asal* (mengawal dan menyelenggara aset yang disumbangkan daripada rosak atau hilang) dan *tasbil al-Thamarah* (mengagihkan manfaat aset kepada penerima manfaat (benefisiari). Konteks hadis ini juga menjelaskan maksud pengkalan aset wakaf yang merupakan syarat utama perwakafan menuntut kepada keupayaan aset wakaf menjana manfaat yang berterusan (Khaf 1999).

Tujuan pembangunan adalah mengubah atau mentransformasi keadaan yang tidak berhasil atau kurang berhasil kepada sesuatu yang lebih berhasil secara produktif bagi menghasilkan jangkaan yang

berfaedah (Miswan@Abdul Hakim et al. 2009). Bagi memastikan hasil pembangunan yang seimbang, Islam telah meletakkan nilai-nilai penting bersifat dualisme antara rohani dan jasmani merangkumi elemen *tazkiyah*, *tarbiyah*, *tanmiyah*, *tatawur*, *taqadum* yang perlu disemai erat dalam proses pembangunan (Siddiqi 2009). Tambahan pula, dasar-dasar yang menghalang daripada berlakunya kerosakan alam, mengagalkan kecekapan dan kelangsungan alam, pengagihan kekayaan dan harta secara adil dan saksama dalam kalangan masyarakat merupakan bukti kesyukuran pembangunan harta dalam Islam (Mohd Daud 1999).

Wakaf yang telah diinstitusikan menuntut untuk berlakunya proses kelestarian yang terhasil daripada aktiviti pembangunan. Pembangunan dalam wakaf selari dengan fungsi pembangunan ekonomi yang membawa kesan ke bawah (*trickle down effect*). Justeru, Islam tidak melarang untuk mengadaptasi sistem lain bagi menjalankan aktiviti pembangunan. Usaha-usaha untuk melestarikan aset wakaf perlu dilaksanakan secara efisien kerana pengurus wakaf terikat dengan syarat khusus wakaf iaitu memastikan pengekalan modal wakaf serta pengagihan manfaat wakaf kepada benefisiari secara berterusan.

Oleh itu, aspek utama dalam aktiviti pelestarian aset wakaf adalah pengurusan portfolio pelaburan serta pengaturan perbelanjaan dana wakaf. Aspek ini penting kerana institusi wakaf memerlukan penambahan sumber pendapatan, penghargaan pertumbuhan atau modal dan pemeliharaan modal.

Sarjana-sarjana lepas telah membahagikan pembangunan aset wakaf tanah kepada dua kaedah iaitu kaedah klasik dan moden (Mohammad 2006). Kaedah tradisional seperti *istibdal* dan *ijarah* manakala kaedah kontemporari melibatkan aplikasi instrumen kewangan seperti penerbitan sukuk, *akad built, operation and transfer* (BOT), *join-venture* (JV) dan gabungan kaedah tradisional dan kontemporari. Walau bagaimanapun, Aminah dan Sabit (2011) telah mengenal pasti bahawa pembangunan aset wakaf berhadapan dengan dua kekangan utama untuk membangunkan aset wakaf iaitu ketidakcukupan dana bersifat cair dan masalah aset tidak cair (*illiquidity of asset*).

Walaupun wakaf tunai menunjukkan peningkatan dari sudut kutipan namun jumlah kutipan tersebut masih belum mampu untuk membiayai pembangunan aset wakaf sedia ada (Syahnaz & Aznan 2016). Justeru, terdapat cadangan daripada pengkaji-pengkaji wakaf untuk membangunkan aset wakaf alih (wang tunai) dengan kaedah-kaedah tertentu seperti *venture capital* (Tunku Alina 2012) dan unit amanah (Syahnaz 2016). Tinjauan penulis pula walau bagaimanapun mendapati cadangan tersebut masih belum diadaptasi oleh MAIN dan lebih selesa untuk meletakkan wang tunai wakaf di dalam akaun simpanan atau simpanan tetap Islam bertempoh dengan pulangan tiga peratus (Mohd Rilizam 2019; Mohd Nazrul 2019; Syazwarina 2019; Mohd Ridzuan 2020). Senario ini

jelas berbeza dengan praktis yang berlaku sewaktu era Turki Uthmaniyah yang membuktikan lebih 20% wakaf tunai kekal kerana aktiviti pelaburan yang telah dijalankan (Cizacka t.th).

Seperti mana yang telah dibahaskan, faktor keengganan pengurusan wakaf untuk membangunkan aset wakaf tunai dalam bentuk pelaburan berisiko adalah kerana kekhawatiran risiko kerugian. Tambahan pula, faktor kekurangan kepakaran iktisas dan profesional dalam aspek perancangan dan pembangunan wakaf (Shatzmiller, M 2011) turut menyumbang kepada pergerakan pembangunan portfolio aset wakaf yang perlahan. Justeru, timbul persoalan apakah lagi kekangan dalam usaha-usaha pembangunan portfolio aset wakaf ini? Bagaimanakah kekhawatiran risiko kerugian itu boleh diatasi dalam konteks institusi wakaf?

### RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Risiko merupakan komponen penting yang memerlukan pengurusan sama ada dalam kuantiti yang besar ataupun kecil. Risiko telah menjadi subjek penting dalam perbincangan kewangan dan ekonomi seperti yang telah diketengahkan oleh pengkaji seperti Elgari (2003), Tariq (2004), Akkizidis dan Khandelwal (2008), Greuning dan Iqbal (2008), Ahmed, Imamuddin dan Siddiqui (2013), Eid dan Kamal (2012) dan Al-Suwailem (2013).

Risiko tidak mempunyai definisi yang khusus dan bergantung kepada bidang yang dibahaskan. Kebiasaannya definisi risiko dirujuk kepada bidang ekonomi iaitu ketidaktentuan yang wujud terhadap hasil mendatang yang mana kemungkinan pendapatan lebih daripada jangkaan dan sumber yang tidak diketahui (Misman & Bhatti 2010). Bidang kewangan turut dirujuk yang mendefinisikan risiko sebagai kemungkinan pulangan pelaburan yang rendah daripada setiap pulangan yang dijangka. Definisi ini selari dengan definisi yang dikemukakan oleh Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat risiko sebagai kemungkinan atau bahaya kerugian dan juga merujuk kepada hasil yang tidak diharapkan bidang-bidang tertentu dalam setiap aktiviti yang telah dirancang.

Islam tidak pernah mengetepikan perbincangan risiko bahkan telah mewajibkan setiap individu untuk bertanggungjawab ke atas risiko yang berlaku. Al-Quran telah menuntut umatnya untuk mengelak diri daripada terjebak dengan perkara yang membinasakan seperti mana firman Allah yang bermaksud:

Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik (Al-Baqarah 2:195).

Kebinasaan di dalam ayat ini merujuk kepada maksud yang hampir dengan maksud risiko yang

mana terdedah kepada kebinasaan. Al-Quran telah merekodkan konsep risiko melalui larangan Allah yang akan membawa kepada natijah yang negatif (Ibn Kathir t.th)

Bagi mendapatkan definisi risiko dengan lebih komprehensif, risiko dirujuk kepada perspektif Islam iaitu berasal daripada istilah *mukhātarah* (مخاطرة) yang merupakan frasa bahasa Arab. Istilah *mukhātarah* ini berasal dari kata *al-khatar* (الخطر) yang membawa maksud sesuatu yang tidak diketahui pasti benar atau tidaknya atau sesuatu yang mengundang bahaya. Dalam kamus bahasa Arab, *mukhātarah* (مخاطرة) mempunyai erti menempuh bahaya atau menempuh bahaya (Nor Fahimah Mohd Razif & Shamsiah Mohamad 2011). Kebanyakan ulama memilih maksud *khatar* sebagai *maysir*, *gharar* atau pampasan. Walau bagaimanapun, penggunaan maksud tersebut kurang menyeluruh bagi menggambarkan perihal kekangan atau isu dalam organisasi. Justeru, Elgari (2003) telah membahaskan perkataan *khatar* dengan maksud yang sama dengan perkataan bahasa Inggeris iaitu *risk*. Terdapat dua elemen yang ditekankan terhadap definisi risiko iaitu perbuatan yang membolehkan manusia membuat keputusan yang tidak menyimpang dan keadaan yang membawa manusia kepada jalan yang betul.

Perbincangan risiko seterusnya telah dibincangkan secara sistematik oleh pengkaji-pengkaji seperti Elgari (2003), Dusuki dan Smolo (2009), Ismail dan Ahmad (2010) dan Bougateg (2015). Mereka telah memperincikan risiko berdasarkan kepada prinsip *qawaid fiqhiyah*. Prinsip ini telah menunjukkan hubungan perkadaran langsung di antara risiko dan pulangan. Walaupun *qawaid fiqhiyah* telah menyatakan hubungan risiko berkadar langsung dengan pulangan, al-Suwailem (2013) menegaskan bahawa pendedahan terhadap risiko berlebihan adalah tidak diingini kerana saiz kemungkinan kerugian wujud dan jika terus berlaku kesannya akan mengakibatkan bahaya kepada organisasi sosial.

Para sarjana menekankan bahawa risiko tidak boleh dilarang secara menyeluruh akan tetapi perlu dihitung berasaskan parameter syariah seperti bebasnya daripada isu-isu *gharar* yang jelas. Menurut Ibn Taimiyyah (1987), Allah dan Nabi Muhammad membenarkan semua risiko kerana tidak semua transaksi yang melibatkan kebarangkalian kerugian atau hasil adalah dilarang. Larangan terhadap risiko adalah yang melibatkan ciri-ciri mudarat terhadap sesebuah aset dan jika sesuatu aktiviti tersebut tidak melibatkan risiko tetapi mengandungi unsur-unsur mudarat ia turut dilarang. Tambahan pula, risiko dan *gharar* (ketidakpastian) telah dibezakan iaitu ketidakpastian merujuk kepada peluang yang diberikan untuk mendapatkan keuntungan yang tidak wujud dalam situasi yang mana risiko boleh diambil kira (Knight 1964). Atas dasar itu, pengiktirafan risiko menjadikan perbincangannya selari dalam konteks institusi kewangan Islam (IKI).

Risiko yang wujud di dalam kontrak-kontrak Islam mempunyai ciri-ciri yang khusus berdasarkan karekter kontrak tersebut. Antara faktor yang dikenal pasti mempengaruhi kewujudan risiko dalam kontrak adalah struktur produk, risiko perniagaan, risiko kewangan dan kualiti pengurusan (Khadijah Iskandar 2016). Empat jenis risiko yang biasa dihadapi oleh IKI seperti perbankan dan takaful adalah risiko kewangan (*financial risk*), risiko perniagaan (*business risk*), risiko perbendaharaan (*treasury risk*) dan risiko tadbir urus (*governance risk*).

Risiko dalam sektor ekonomi pula dibahagikan dari sudut sistematik dan bukan sistematik. Risiko sistematik berhubung pergerakan seluruh ekonomi, tahap pertumbuhan industri dan segala yang dianggap dapat menjejaskan tahap pertumbuhan ekonomi (Kaufman & Scott 2018). Manakala risiko tidak sistematik wujud dalam satu perusahaan atau industri disebabkan oleh pengurusan yang lemah, kedudukan kewangan dan perolehan.

Risiko turut dilihat dari perspektif syariah dan telah dibahagikan oleh Ibn Taimiyyah (1996) kepada dua kumpulan utama iaitu risiko komersil dan risiko perjudian. Dusuki (2009) kemudiannya memperincikan pembahagian risiko kepada risiko yang mesti ditanggung, risiko yang diharamkan dan risiko yang boleh dielakkan.

Kewujudan risiko di dalam sektor-sektor terbabit memerlukan kepada pengurusan kerana pengurusan yang betul membantu untuk proses pemuliharaan harta. Syariah sendiri telah menekankan perihal pengurusan risiko melalui firman Allah dalam surah al-Baqarah (2:282) iaitu penegasan agama untuk mencatat hutang dan menyediakan saksi sewaktu berhutang. Hal ini bagi mengelakkan daripada wujudnya bahaya moral seperti keengganan membayar hutang (al-Tabari t.th). Selain itu, hadis riwayat al-Tirmidhi turut mengukuhkan ayat surah al-Baqarah melalui peristiwa tindakan waspada nabi Muhammad terhadap lelaki Badwi dan untanya. Oleh itu, proses penstrukturan pengurusan perlu selari dengan prinsip Syariah kerana objektif utama adalah melindungi individu atau harta daripada sebarang kemungkinan kerugian. Islam tidak menentang untuk mengambil risiko dan menolak tindakan mengelakkan dan mengambil risiko yang berlebihan. Tambahan pula, penjagaan harta termasuk dalam paradigma objektif Islam yang tertinggi. Pengurusan risiko Islam dapat membantu untuk mengumpul dan mengagihkan risiko (Ahmed 2010).

Ahmed (2010) telah mendefinisikan pengurusan risiko sebagai fokus strategi, menggariskan perkara yang memerlukan sokongan, dan mengaitkan dengan sistem dan proses yang perlu ditempatkan. Berdasarkan kepada perspektif penstrukturan, pengurusan risiko perlu dijalankan secara berasingan untuk tujuan penganalisan.

Scholes (2000) telah membahagikan analisis risiko kepada dua bahagian iaitu pengurusan risiko yang melibatkan analisis risiko seperti

pengenalpastian risiko, mendefinisikan risiko, menilai risiko dan impak serta perancangan terhadap risiko. Kedua adalah dokumentasi iaitu kaitan pengurusan risiko dengan aktiviti-aktiviti seperti merancang, mengawal, memantau untuk diambil tindakan bagi menyelesaikan masalah. Merekod maklumat adalah suatu perkara yang penting dalam penganalisan risiko dan sokongan kepada pengurusan risiko secara umum. Prosedur pengurusan risiko penting bagi memastikan keberkesannya. Justeru, kunci utama kepada sesebuah organisasi untuk tujuan pengurusan risiko perlu dikenal pasti.

BNM (2018) telah mengemukakan rangka awal pengurusan risiko syariah institusi kewangan Islam iaitu mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal daripada berlaku apa sahaja elemen yang tidak mematuhi shariah. Basel (2004) turut mengetengahkan garis panduan pengurusan risiko bagi mengawal pelaburan yang dijalankan oleh institusi-institusi kewangan.

Risiko yang telah dianalisis akan diambil tindakan sama ada untuk dibuang atau diuruskan. Terdapat pelbagai pendekatan yang dilakukan bagi menguruskan risiko yang telah dianalisis. Antaranya adalah melalui pembacaan dan membuat analisis terhadap data dan maklumat syarikat (Salihin Ramli 2000). Selain itu, risiko ini dapat diuruskan melalui diversifikasi dalam portfolio pelaburan. Kebiasaannya pengurusan risiko adalah berdasarkan kepada visi dan misi yang telah ditetapkan oleh organisasi. Dalam konteks perbankan Islam, pendekatan yang guna pakai adalah perkongsian risiko dan berasaskan konsep perkongsian untung dan rugi. Terdapat juga instrumen pengurusan risiko dalam perbankan konvensional diadaptasi dalam perbankan Islam seperti penggunaan *derivative*, *option*, *future* dan *forward*. Dalam bidang takaful pula, kepatuhan syariah, pelaburan dan sumber manusia merupakan kunci utama yang perlu diambil perhatian untuk dianalisis dan dilaksanakan pengurusan.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengoperasian entiti korporat telah meletakkan risiko sebagai elemen penting yang perlu ditangani secara efektif. Hal ini kerana, kewujudan risiko dalam pengoperasian boleh memberikan impak positif jika diuruskan dengan baik dan komprehensif, namun boleh memberikan efek negatif jika gagal diuruskan. Hal ini bertepatan dengan konsep masalah dan maqasid syariah yang menekankan terhadap penjagaan harta.

Proses pengurusan risiko yang berkesan secara asasnya adalah melalui proses pengenal pastian dan berpandukan analisis tersebut dapat disimpulkan bahawa aktiviti-aktiviti dalam perusahaan perlu dianalisis dan dikategori mengikut risiko yang tertentu. Hal ini bertujuan untuk menentukan kaedah dan pendekatan pengurusan risiko yang bersesuaian.

## KETERDEDAHAN RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO PEMBANGUNAN PORFOLIO ASET WAKAF

Institusi wakaf dikategorikan sebagai entiti tidak bermatlamatkan keuntungan (*Non Profit Organization* (NPO)) menuntut untuk menjalankan aktiviti pembangunan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, kekangan dana untuk menjalankan aktiviti pembangunan wakaf disebabkan oleh kelemahan sistem tadbir urus kerana faktor kekhuatiran risiko dan ketiadaan kepakaran untuk menganalisis risiko. Kewujudan risiko dalam entiti NPO adalah unik kerana keperluan pemegang berkepentingan yang pelbagai. Tambahan pula, pengurusan wakaf berhadapan dengan risiko disebabkan oleh interaksi dengan suasana ekonomi, politik dan sosial yang berubah secara kompleks, tidak menentu dan beraneka ragam. Situasi tersebut bakal mempengaruhi kewangan, kakitangan, program dan perbelanjaan modal.

Bagi mengenal pasti kewujudan risiko, proses tersebut dilakukan berdasarkan objektif setiap entiti. Entiti bermatlamatkan keuntungan mengenal pasti risiko berdasarkan objektif pulangan keuntungan maka sistem menilai keuntungan merupakan keutamaan yang dipantau. Hal ini berbeza dengan entiti tidak bermatlamatkan keuntungan kerana objektif adalah pelbagai dan tidak berasaskan kewangan. Penilaian lebih menjurus kepada penilaian motivasi, tingkah laku yang memberikan kesan kepada objektif penilaian risiko serta alat pengurusan risiko yang diguna pakai (Ostrower & Stone 2006).

Objektif utama institusi wakaf adalah memastikan niat pewakaf melalui pengagihan manfaat wakaf kepada benefisiari dilaksanakan secara optimum. Bagi melunaskan objektif tersebut, pengurus wakaf perlu menggembeling usaha melalui perancangan yang rapi untuk membangunkan portfolio wakaf. Justeru, objektif membangunkan aset wakaf turut perlu diambil perhatian kerana syarat khusus wakaf memastikan modal asal wakaf adalah sentiasa dipelihara. Pendekatan yang unik dalam pembangunan aset wakaf adalah bagaimana untuk meningkatkan pendapatan dan bukannya memfokuskan kepada keuntungan.

Proses pengurusan risiko diperlukan dalam konteks pembangunan portfolio aset wakaf kerana keperluan untuk merancang dan menguruskan portfolio yang baik. Setelah objektif dikenal pasti, langkah seterusnya adalah mengenal pasti risiko yang wujud di dalam pengoperasian institusi wakaf. Pembahagian risiko dalam entiti bermatlamatkan keuntungan boleh diguna pakai namun, risiko yang lebih spesifik dan telah ditemakan oleh Domanski (2016) melalui kajian beliau dalam entiti tidak bermatlamatkan keuntungan di Poland adalah lebih sesuai untuk diadaptasi.

Risiko yang dikenal pasti dalam institusi wakaf ditemakan seperti mana pembahagian risiko oleh

Domanski (2016) iaitu risiko tadbir urus, pengoperasian, kewangan, reputasi, undang-undang dan pematuhan. Seperti mana yang telah digariskan dalam perbahasan yang lepas, tadbir urus dan pengoperasian merupakan risiko utama dan terdapat banyak isu yang dibahaskan oleh pengkaji yang lepas berkait rapat secara langsung dengan risiko tadbir urus (Rashid 2011; Shirazi N.S 2011). Isu lain yang berkait rapat dengan tadbir urus adalah kakitangan yang tidak kompetan dan tidak mencukupi (Che Zuina, Nor Jana & Nor Jawanees 2012; Dahlia & Haslindar 2013; Kader et al. 2016), kelompangan sistem kawalan dalaman (Mahmood 2017) pangkalan data (Mahmood 2017) dan birokrasi (Dalila Daud 2018). Masalah akauntabiliti, pelaporan, sistem dan kebergantungan kepada sukarelawan tanpa sebuah pengurusan keaggotaan sukarelawan yang baik telah menyumbang kepada risiko tadbir urus dan pengoperasian wakaf. Keterdedahan tanpa pengurusan yang baik akan memberikan impak kepada penyusutan modal wakaf, kerugian dan manfaat yang tidak disalurkan (Syahnaz & Aznan 2016; Hydizulkifli & Asmak 2016).

Risiko tadbir urus dan pengoperasian institusi wakaf telah membawa kepada risiko undang-undang dan pematuhan. Antaranya adalah konflik perundangan antara syariah dan sivil (Rusnadewi 2013; Rabi'ah & Rohimi 2018) dan pelaburan yang tidak patuh syariah. Selain itu, tahap kefahaman masyarakat berkaitan wakaf dan pengurusan wakaf telah mendorong kepada wujudnya risiko pematuhan (Adeyemi, Nurul Aini & Siti Sabariah 2016; Puad, Rafdi & Sahar 2014; Faiz 2014).

Tadbir urus yang kurang cekap dan tersusun mempengaruhi perancangan pembangunan sehingga memberikan kesan kepada kekangan modal yang mencukupi untuk membangunkan aset (Sulaiman 2012; Sanep & NurDiyana 2011). Tinjauan sejarah menunjukkan risiko kredit atau kekurangan modal telah berlaku sejak zaman zaman Turki Uthmaniah dalam usaha untuk membangunkan aset wakaf. Walaupun entiti tidak bermatlamatkan keuntungan seperti wakaf tidak memfokuskan keuntungan, pertimbangan terhadap risiko-risiko kewangan lain seperti risiko strategi perniagaan, risiko kecairan, risiko pasaran, risiko pelaburan ekuiti, risiko kadar pulangan dan risiko pengawal aturan (Asyraf & Nurdianawati 2014) wajar dipertimbangkan.

Sumber utama pembangunan aset wakaf adalah melalui kutipan dari orang awam atau entiti perniagaan. Asas penting dalam kutipan dana awam adalah kepercayaan yang berkait secara langsung dengan risiko-risiko yang dibincangkan sebelum ini. Jika tidak, reputasi entiti wakaf sebagai badan bukan bermotifkan keuntungan dan sebahagian daripada badan agama akan tercalar. Kelemahan tadbir urus serta kelompangan bahagian tertentu seperti pengurusan risiko dalam institusi wakaf boleh menyebabkan reputasi wakaf merudum dan menjadikan institusi wakaf tidak mengkagumkan

(Rashid 2011; Shirazi N.S 2011; Iman & Sabit 2014).

Risiko-risiko yang telah dikelompokkan diperkukuhkan dengan pengelasan isu-isu yang telah dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Berdasarkan kepada analisis risiko yang telah dijalankan, tadbir urus dan pengoperasian merupakan risiko utama yang perlu diambil perhatian dalam pengurusan risiko. Selain itu, risiko-risiko lain seperti kewangan, undang-undang, pematuhan dan reputasi tidak ketinggalan dan terkesan daripada wujudnya risiko tadbir urus dan pengoperasian. Justeru, pendekatan yang diambil untuk menguruskan aktiviti wakaf perlu holistik dan komprehensif. Menurut kerangka COSO (2004), langkah seterusnya adalah penilaian dan tindakan terhadap risiko yang telah dikenal pasti. Proses ini memerlukan sebuah model pengurusan risiko yang bersesuaian bagi menguruskan secara holistik dan komprehensif dalam institusi wakaf.

Organisasi NPO seperti wakaf adalah kompleks berbanding organisasi berasaskan keuntungan seperti syarikat pelaburan. Hal ini kerana NPO membincang dan menekan perihal fundamental dan bersifat kemasyarakatan seperti peningkatan kualiti alam sekitar dan kajian kebenaran dan perubahan sosial (Matan & Hartnett 2011).

Keperluan institusi wakaf terhadap pembangunan aset yang mampan dapat dirangka melalui sebuah pengurusan risiko yang strategik. Langkah yang strategik diperlukan tidak hanya mengukur impak misi yang berkaitan tetapi turut mempertimbangkan bagaimana impak dipelbagaikan dalam keadaan kotigensi. Situasi ini memberikan kesan dari sudut nilai dan jangka masa panjang pemegang-pemegang berkepentingan. Keutamaan pengurusan risiko dalam institusi wakaf adalah mengukuhkan pembangunan aset wakaf. Justeru, pembangunan aset wakaf dapat disusun melalui proses pengurusan risiko dengan memberikan penekanan terhadap portfolio pelaburan serta pengaturan perbelanjaan dana wakaf. Hal ini sebagai mana yang telah dibincangkan dalam konteks pengurusan risiko menurut perspektif Islam yang boleh dilakukan antaranya melalui diversifikasi pelaburan, perkongsian risiko dan pengurusan risiko yang berfokus dan terancang.

Oleh kerana risiko yang dianalisis adalah bersifat holistik dan berkait di antara satu sama lain, pendekatan pengurusan risiko tradisional yang bertindak secara silo, berasingan dan bersendirian perlu dinilai agar bersesuaian dengan perkembangan wakaf semasa. Fokus pengukuran impak atau pulangan tidak perlu terlalu canggih bagi NPO sehingga mampu untuk mempertimbangkan risiko dalam terma-terma strategik tetapi sekadar pegawai NPO menilai hasil alternatif berkaitan dengan terma-terma tersebut (Young 2009).

Kewajaran untuk meneliti isu-isu yang menjadi kekangan serta memetakan isu tersebut berasaskan kategori risiko yang berkaitan dengan

lebih mendalam dan menyeluruh merupakan keperluan dalam institusi tidak bermatlamatkan keuntungan seperti wakaf. Walaupun fokus institusi ini bukan berasaskan keuntungan tetapi terdapat keperluan pengurusan insituti menjana pendapatan untuk memenuhi hasrat pemegang berkepentingan.

Perbincangan khusus dan kolektif berkaitan risiko dalam pengurusan wakaf tidak menjadi perhatian pengkaji lepas berbanding isu penyediaan dan permohonan sumbangan, pemasaran, pengurusan dan pencapaian wakaf. Justeru, situasi tersebut menarik perhatian pengkaji untuk meneliti isu-isu tersebut dengan lebih mendalam kerana pengurusan risiko yang berstrategik dan holistik menyumbang kepada pengawalan risiko serta perancangan portfolio aset wakaf yang lebih berkesan.

### KESIMPULAN

Portfolio aset wakaf kurang menyerlah walaupun telah terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan sumber bagi membangunkan aset mahupun mewujudkan aset wakaf yang baharu. Terdapat pelbagai isu yang dikenal pasti mengekang usaha-usaha tersebut sehingga menyebabkan ianya berisiko dan memerlukan sebuah pengurusan risiko yang berperanan sebagai pengawalselia untuk mengoptimumkan pulangan hasil wakaf. Proses pengurusan risiko memerlukan kerja-kerja menganalisis, menentukan dan mengawal setiap risiko. Dalam konteks wakaf, pengurusan risiko perlu bertindak balas sesuai dengan sifat wakaf kerana keterikatan wakaf kepada pengkalan modal dan pengagihan manfaat yang berterusan. Selain itu, kewujudan pengurusan risiko sebagai sebahagian penting daripada pengurusan wakaf merupakan satu keperluan bagi memantau risiko seterusnya memainkan peranan dalam membangunkan portfolio aset wakaf.

Oleh yang demikian, kertas konsep ini telah mengenal pasti isu-isu yang mengekang pengoperasian pembangunan portfolio aset wakaf seterusnya memetakan isu tersebut dalam konteks risiko bagi memenuhi langkah-langkah pengurusan risiko seterusnya memberikan gambaran untuk memilih pendekatan pengurusan risiko yang bersesuaian dan kolektif dalam institusi wakaf. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membuka ruang-ruang literatur dan perhatian khusus terhadap pengurusan risiko dalam institusi wakaf. Pelbagai bentuk pendekatan dalam membangunkan aset wakaf namun jika tidak dipantau dan diselarikan dengan pengurusan risiko bakal mendedahkan kepada risiko-risiko lain.

### RUJUKAN

Al-Quran. 1998. Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darulfikir.

- al-Tabari. 2001. Tafsir al-Tabari: Jami' al-Bayan. Dar Hijr lil Taba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi' Wa al-I'lan.
- Abu Bakar Manan. 2007. Isu-isu semasa berhubung pembangunan tanah wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 1(1): 53-71.
- Abu-Tapanjeh, A. M. 2009. Corporate Governance from the Islamic Perspective: A Comparative Analysis with OECB Principles. *Critical Perspectives on Accounting*, 20(5): 556-567.
- Achene Lahsasna. 2014. Shariah Non-Compliance Risk Management And Legal Documentation in Islamic Finance. John Wiley & Sons Singapore Pte. Ltd.
- Adeyemi, A.A., Nurul Aini, I. & Siti Sabariah, H. 2016. An Empirical Investigation of the Determinants of Cash Waqf Awareness in Malaysia. *Intellectual Discourse (Special Issue)*: 501-520.
- Adnan, Muhammad Akhyar. 2005. Akuntansi dan auditing kelembagaan wakaf (Accounting and Auditing for waqf institutions) Akuntansi syariah, arah, prospek & tantangannya: 143 – 152. Yogyakarta: UII Press.
- Ahmad Muqorobin, M.A. t.th. Peranan Pengurusan Risiko Kredit Untuk Mengurangkan Kerugian Di Perbankan Syariah.
- Ahmed, P. 2010. Risk Management in Takaful: What Makes the Differences? *Fifth Annual World Takaful Conference*. Dubai, UAE. (2010, April 12 & 13).
- Akkizidis, I. S. & Khandelwal, S. K. 2008. Financial Risk Management for Islamic Banking and Finance. New York: Palgrave MacMillan.
- Ali Arsalan Tariq. 2004. Managing Financial Risk of Sukuk Structures. Tesis Master Sains, Loughborough University, UK.
- Ansell, J. and Wharton, F. eds. 1992. Risk: Analysis, assessment and management (p. 5). Wiley.
- Al-Suwailem, Sami. 2013. Towards an Objective Measure of Gharar in Exchange. *Islamic Economics Studies* 7(1 &2): 64-66.
- Asyraf Wajdi Dusuki & Nurdianawati Irwani Abdullah 2014. Fundamentals of Islamic Banking. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2009. Principles and Application of Risk Management and Hedging Instruments in Islamic Finance. <http://www.iefpedia.com/english/wp-content/uploads/2012/07/Asyraf.pdf>. 10 September 2018.
- Basel Committee of Banking and Supervision (BCBS). 2004. The Standardise Approach to Credit Risk. BCBS, Basel, Switzerland.
- Central Bank of Malaysia *Shariah* Governance Framework. from [http://www.bnm.gov.my/guidelines/05\\_shariah/](http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_shariah/). (25 Ogos 2018).
- Che Zuina, I., Nor Jana, S., Nor Jawanees, A.H. 2015. Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions.



- Mediterranean Journal of Social Sciences 6(4): 613-620.
- Conforth, CJ. 2002. Making sense of co-operative governance: Competing models and tensions. *Review of International Co-operation*. 95 (1): 51-57.
- COSO (2004) Enterprise Risk Management – Integrated Framework. Executive Summary & Framework (Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission) [http://www.coso.org/documents/coso\\_erm\\_executivesummary.pdf](http://www.coso.org/documents/coso_erm_executivesummary.pdf). (25 Ogos 2019)
- Dahlia, I., & Haslindar, I. 2013. Revival of Waqf properties in Malaysia. *Paper presented at the 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013)*, Kuala Lumpur, 4 - 5 September 2013.
- Dalila Daud. 2018. Insight Into The Reason for The Lack of Waqf Reporting. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*. 6(3):48-58.
- Dennis R. Young. 2009. How Nonprofit Organizations Manage Risk.
- Domanski, J. 2016. Risk Categories and Risk Management Processes in Non Profit Organizations. *Foundations of Management*. 8(1).
- Dusuki, A. W., & Smolo, E. 2009. Islamic hedging: Rationale, necessity and challenges. In *Proceeding International Seminar on Muamalat, Islamic Economics and Finance, 2009*: 533-552. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faiz, O.A. 2014. An Analysis of Cash Waqf Participation among Young Intellectuals. In *Istanbul 9th International Academic Conference*. 13 April 2014.
- Eid, W., & Kamal, A. 2012. Mapping the risks and risk management practices in Islamic banking (Doctoral thesis). Durham University. <http://etheses.dur.ac.uk/3582/>
- Elgari, Mohamed Ali. 2003. Credit Risk in Islamic Banking and Finance. *Islamic Economics Studies*. 10(2).
- Greuning, H. V., & Iqbal, Z. 2008. Risk analysis for Islamic banks. Washington, DC: The International Bank for Reconstruction and Development, The World Bank.
- Hassan, Abul dan Abdus Shahid, Mohammad. 2010. Management and Development of the Awqaf Assets. *Kertas Kerja Seminar Seventh International Conference- the Tawhid Epistemology: Zakat and Waqf*. Bangi: 6-7 Januari 2010.
- Hydizulkifli, Asmak. 2016. Pembiayaan Pembangunan Harta Wakaf Menggunakan Sukuk. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn Kathir. 1999. Tafsir al-Quran al-'Azim. Dar Taiyibah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam. 1996. Tafsir Ayat Asykalatal Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam. 1987. Al-Fatawa al-Misriyah. Beirut: Dar al- Jil.
- Iman, A. M. and Sabit, M. T. 2014. Waqf property: Concept, management and financing. UTM Press: Universiti Teknologi Malaysia.
- Iqbal, Z., and Mirakhor, A. 2004. Stakeholder Model of Governance in Islamic Economic System. *Islamic Economic Studies*. 11(2): 43-63
- Ismail et al. 2017. Islah and Tajdid: The Approach to Rebuilding Islamic Civilizations. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7:8. 183-196.
- Ismail, A., & Ahmad, M. A. J. 2010. Krisis kredit menurut perspektif pengurusan risiko Islam: Bagaimana Syariah memberikan pengajaran bernilai untuk kapitalis. *Jurnal Muamalat*. 3: 47-75.
- Jorion, Phillippe and Sarkis J. Khoury. 1996. Financial Risk Management Domestic and International Dimensions. Blackwell Publishers. Cambridge: Massachusetts.
- Kader, S. Z. S. A. 2016. Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang. *Kanun*. 28(1): 101-126.
- Kahf, Monzer. 1999. Towards the revival of awqaf: A new fiqhi issues to reconsider. *Kertas kerja dibentang dalam Harvard Forum on Islamic Finance and Economics*.
- Khadijah Iskandar. 2016. Risk Management in Islamic Financial Institutions. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Knight, F. H. 1964. Risk, uncertainty and profit. New York, NY: Sentry Press.
- Kuran, T. 2012. The economic roots of political underdevelopment in the Middle East: A historical perspective. *Southern Economic Journal*. 78(4): 1086-1095.
- Mahmood et al. 2017. Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*. 8: 49-58.
- Mahmud A. Maghbul & Abdulwahab Salem Al Hajam. 2018. Proposal Framework of Waqf Institutions Governance and Its Economic and Social Implications. *International Journal of Islamic Economics and Finance Studies*. 4:2.
- Malonis, J.A. 2000. Agency Theory." Encyclopedia of Business. Ed. Jane A. Malonis. Vol. 1. Gale Cengage, 2000. eNotes.com.
- Misman, F. N., & Bhatti, M. I. 2010. Risks exposure in Islamic banks: A case study of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Australian Centre for Financial Studies-Finsia Banking and Finance Conference*. 2010.
- Miswan@Abdul Hakim et al. Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam. 2009. *Kertas kerja Seminar Pembangunan Harta Tanah*

- Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.* 11-12 Ogos 2009.
- Mohd Ashrof Zaki et al. 2016. The Investment of Waqf Properties through Infrastructure Development According to Al-Hadith and Risk Management Perspective. *American Scientific Publishers.* 22.
- Mohd. Daud Bakar. 1999. Konsep dan Matlamat Harta dalam Pembangunan Ummah dlm. Abdul Monir Yaacob dan Mohd. Fauzi Mustaffa. Pentadbiran Harta Menurut Islam. Kuala Lumpur: IKIM: 1-24.
- Mohd Nazrul.Penolong Tadbir Bahagian Wakaf MAINPP. Temu bual pada 16 Julai 2019.
- Mohd Rilizam. Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Johor. Temu bual pada 23 Jun 2019.
- Mohd Ridzuan. Ketua Bahagian Pembangunan Harta MAIDAM. Temu bual pada 1 Mac 2020.
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin. 2018. A Case Study on Waqf Reporting Practices for Governance, Performance and Socio-Economic Impact in Malaysia. *International Journal of Management, Accounting and Economics.* 5 (9): 693-714.
- Muslim Bin al-Hajjaj. 2010. Sahih Muslim. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut.
- Nor Fahimah Mohd Razif & Shamsiah Mohamad. 2011. Risiko-Risiko Dalam Kewangan Semasa: Penilaian Daripada Perspektif Islam. *International Conference on Management (ICM 2011).*
- Nur Azni Mohd Zeni & Noraina Mazuin Sapuan. 2017. Revitalizing Waqf Governance: A Theoretical Perspectives. *International Journal of Advance Biotechnology and Research (IJBR).* 8 (Special Issue) 3: 305-311.
- Ostrower, F., and M. M. Stone. 2006. Governance: Research Trends, Gaps, and Future Prospects. In *The Nonprofit Sector: A Research Handbook 2*, edited by W. Powell and R. Steinberg, 612–28. New Haven, CT: Yale University Press.
- Puad, N.A.M., Rafdi, N.J., & Shahr, W.S. 2014. Issues and Challenges of Waqf Instrument: A Case Study in MAIS.
- Pyle, D. H. 1997. Bank Risk Management: Theory. *Working Paper RPF (Research Program in Finance) No. 272*, University of California, Berkeley.
- Rabi'ah, M. & Rohimi, S. 2018. Isu dan Konflik Perundangan dalam Hibah Hartanah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat.* 1(1): 84-101.
- Rahisam et al. 2015. Model Pengurusan Risiko Dalam Mengendalikan Wakaf Pendidikan Tinggi: Satu Kerangka Konseptual. *Dlm Mukhtamar Wakaf Ilmi II 2015 Anjuran Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM.*
- Rashid, S. K. 2011. Certain Legal and Administrative Measures for the Revival and Better Management of Waqf, *IRTI working paper series (WP # 1432-02)*, Islamic Research and training Institute, IDB.
- Ron Matan & Bridget Hartnett. 2011. How Nonprofit Organizations Manage Risk.
- Rusnadewi,A.R. 2013. Memartabatkan Undang-Undang Islam Dan Mahkamah Syariah Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 5 (2): 27-36.
- Saifuddin, F., Kayadibi, S., Polat, R., Fidan, Y., & Kayadibi, O. 2014. The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation: Case of Malaysia. Paper presented on *Proceeding Kuala Lumpur International Business Economics and Law Conference 4 (KLIBEL4)*. 31 May – 1 June 2014. Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Scholes, M. S. 2000. Crisis and risk management. *American Economic Review:* 17-21.
- Salihin Ramli. 2000. Pasaran Niaga Hadapan: Melindung Nilai dan Spekulasi. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Sanep Ahmad , S., & Muhamed, Nur Diyana. D. 2011. Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. *PROSIDING PERKEM VI (1):* 138 –147.
- Shatzmiller, M. 2011. Economic performance and economic growth in the early Islamic world. *Journal of the Economic and Social History of the Orient:* 132- 184.
- Shirazi, N. S. 2011. Integrating zakat and waqf into the poverty reduction strategy of the idb member countries. *Islamic Economic Studies.* 22(1): 79-108.
- Siddiqi, Muzammil H. 2009. Principles and Goals of Development: An Islamic Perspective. *Pakistani Link.*
- Sulaiman, S. 2012. Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam di Malaysia : Satu Tinjauan. *Makalah 24 Kanun (2):* 149– 177.
- Syahnaz Sulaiman & Aznan Hasan. 2016. Pembangunan dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf dari Perspektif Islam. *Jurnal Kanun.* 28 (1): 68-100
- Syazwarina. Eksekutif Wakaf Perbadanan Wakaf Selangor. Temu bual pada 31 Julai 2019.
- Tariqullah Khan & Habib Ahmed. 2001. Risk Management an Analysis of Issues In Islamic Financial Industry. Islamic Development Bank Islamic Research and Training Institute: Saudi Arabia.
- Tunku Alina, A. 2012. Venture Capital Strategies in Waqf Fund Investment and Spending. *ISRA International Journal of Islamic Finance.* 4(1): 99-126.

Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman,  
*faizee\_rahaman@oum.edu.my*  
Cluster Education and Science Social,  
Open University Malaysia,  
MALAYSIA.

Pelajar Siswazah,  
Institut Islam Hadhari, UKM.  
MALAYSIA.

Salmy Edawati Yaacob,  
*sally1001@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Institut Islam Hadhari, UKM.  
MALAYSIA.

Mohamad Sabri Harun  
*sabri@ukm.edu.my*  
Pusat Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Institut Islam Hadhari, UKM.  
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Cabaran Amil Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam Revolusi Perindustrian 4.0</b>	1-8
<i>The Challenge of Amil in Kedah State Zakat Board in Industrial Revolution 4.0</i>	
Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	
<b>Implikasi Pindaan Akta 164 Terhadap Perkahwinan dan Harta Pusaka Mualaf</b>	9-15
<i>The Implications of the Amendment of Act 164 to Marriage and Inheritance Property of Convert</i>	
Rina Fakhizan Mohd Sukri, Zuliza Mohd Kusrin, Mohd Zamro Muda	
<b>Rangkaian Guru-guru Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani dalam Membentuk Keperibadian Seorang Tokoh Usul Fiqh</b>	16-25
<i>The Network Teachers of Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani in Personal Formation of A Scholar Islamic Jurisprudent</i>	
Mohd Hanafi Mohd Razali, Muhammad Adib Samsudin	
<b>Pengurusan Pembangunan Portfolio Aset Wakaf: Keterdedahan Risiko dan Pengurusannya</b>	26-36
<i>The Management of Waqf Asset Portfolio Management: Exposure of Risks and Its Management</i>	
Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob, Mohamad Sabri Harun	

Journal of Contemporary Islamic Law

(2020)Vol. 5(1)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2020), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 5(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.